

02 MAY 1996

Annuar-Mesyuarat

UMNO KELANTAN BUAT PENDIRIAN SABTU INI

MELAKA, 2 Mei (Bernama) -- Badan Perhubungan Umno Negeri Kelantan akan bermesyuarat di Kuala Lumpur Sabtu ini bagi menentukan langkah yang perlu diambil berikutan pergolakan politik antara PAS dan Semangat 46 sekarang.

Timbalan Ketua Badan Perhubungan Umno Negeri Kelantan, Datuk Annuar Musa berkata, Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, yang juga Ketua Badan Perhubungan Umno Kelantan, sudahpun dimaklumi mengenai pendirian Ketua-ketua Umno Bahagian negeri itu dalam hal berkenaan.

"Saya sudah beri taklimat kepada Perdana Menteri tadi mengenai keputusan kami semalam dan beliau bersetuju untuk berjumpa dengan kami selepas mesyuarat Majlis Tertinggi Umno Sabtu ini," katanya kepada pemberita selepas menghadiri pelancaran Gerakan Mesra di Felcra Bukit Sedanan, di Jasin, dekat sini.

Katanya, pada mesyuarat itu nanti, Ketua-ketua Umno Bahagian akan mengemukakan pandangan mereka tetapi kata pemutus diserahkan kepada Dr Mahathir.

Mengenai kedudukan Umno di Kelantan yang dikatakan lebih selesa sekarang berikutan pergolakan antara PAS dan Semangat 46, Annuar berkata, apapun langkah yang diambil selepas ini akan dibuat berdasarkan kepentingan rakyat.

-- Lagi.